

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai Insurans Kereta Persendirian Pihak Ketiga.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

1

Apa itu Insurans Kereta Persendirian Pihak Ketiga?

Insurans Kereta Persendirian Pihak Ketiga memberi perlindungan bagi liabiliti terhadap pihak lain untuk kecederaan badan atau kematian, dan/atau kerosakan harta pihak lain.

2

Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan RM81.00 setahun, anda menerima perlindungan berikut:

Amaun Diinsuranskan Bagi Kerosakan Kenderaan Sendiri	RM0
Diskaun Tanpa Tuntutan ("No Claim Discount"/"NCD")	0%
* Perlindungan Tambahan (Dibeli dengan bayaran premium tambahan)	- liabiliti penumpang di sisi undang-undang kerana perbuatan cuai. - Perluasan perlindungan ke Negara Thailand - Perluasan perlindungan ke Kalimantan

Polisi ini melindungi:	Polisi ini tidak melindungi:
- Kecederaan badan atau kematian pihak ketiga; dan - Kerugian atau kerosakan harta pihak ketiga.	- Kerosakan, kebakaran, atau kecurian tidak sengaja kenderaan anda; - Kematian atau kecederaan badan anda sendiri akibat kemalangan motor; - Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada penumpang dalam kenderaan anda; dan - Kerugian, kerosakan atau liabiliti yang timbul akibat kejadian semula jadi seperti banjir, ribut atau tanah runtuh.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk butiran penuh mengenai apa yang dilindungi dan apa yang tidak dilindungi.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans motor kami, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 22 5542



Lawati kami di
www.allianz.com.my/motorcycle-car-insurance



Emel kami di
customer.service@allianz.com.my



Imbas Kod QR
di atas

3
Ketahui Kewajipan Anda

Jumlah premium yang anda perlu bayar bergantung pada faktor penarafan seperti keupayaan enjin kenderaan anda, amaun diinsuranskan, kelayakan diskaun tanpa tuntutan (NCD), manfaat pilihan dan keperluan pengunderaitan Allianz.

Untuk tujuan ilustrasi, andaikan orang yang diinsuranskan adalah seorang lelaki berumur 30 tahun, membeli Insurans Kereta Persendirian Pihak Ketiga untuk Toyota Vios, 1,496cc, usia kenderaan 15 tahun dan 0% NCD, premium yang perlu dibayar adalah seperti berikut:

Premium Asas	RM	81.00
(+) Loading (100%)	RM	81.00
(-) Diskaun Tanpa Tuntutan – 0%	RM	0.00
(+) Perlindungan Tambahan		
Liabiliti Penumpang Di Sisi Undang-undang Kerana Perbuatan Cuai	RM	7.50
Premium Kasar	RM	169.50
(+) 8% Cukai Perkhidmatan *	RM	13.56
(+) Duti Setem	RM	10.00
Jumlah Amaun Dibayar	RM	193.06
Komisen ** dibayar kepada pengantara insurans (termasuk dalam Premium Kasar) – 10% daripada Premium Kasar (jika ada)	RM	16.95

* Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

** Polisi ini berhak untuk mendapat 10% rebat komisen apabila dibeli melalui saluran pengedaran langsung Allianz.


MAKLUMAT PENTING YANG PERLU ANDA KETAHUI

A	Tempoh perlindungan adalah 1 tahun dan anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.
B	Ekses – Ekses Wajib dan Ekses lain adalah jumlah yang perlu anda tanggung jika berlaku tuntutan.
C	Pembayaran sebelum perlindungan – Premium hendaklah dibayar dan diterima oleh Allianz sebelum perlindungan bermula. Polisi ini terbatal secara automatik dan menjadi tak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.
D	Jika berlaku kemalangan, anda harus memaklumkan kepada kami secepat mungkin. Anda boleh memaklumkan Allianz dengan menghantar tuntutan melalui Aplikasi MyAllianz atau melawat Portal MyAllianz .


Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya. Anda boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada Allianz. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium berdasarkan pro-rata (jika kenderaan anda telah diinsuranskan secara berterusan untuk lebih daripada 12 bulan dengan Allianz) atau pada kadar tempoh singkat (jika kenderaan anda tidak diinsuranskan secara berterusan untuk lebih daripada 12 bulan dengan Allianz). Mana-mana premium minimum yang dibayar dibawah polisi ini tidak boleh dipulangkan sama sekali. Pemulangan premium adalah dibenarkan jika tiada sebarang tuntutan dibuat sepanjang tempoh insurans semasa.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Informasi yang disediakan ini sah laku dari 01/01/2026.